

24 AUG 2000

SUQIU ALU KENYATAAN PM MINTA HENTI PERBESARKAN ISU HAK MELAYU

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Suqiu hari ini menyatakan sokongan mereka terhadap permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya isu hak keistimewaan orang Melayu tidak lagi diperbincangkan.

Pengerusi jawatankuasa itu Quek Suan Hiang dalam satu kenyataan berkata beliau juga berharap Perdana Menteri mengeluarkan arahan yang jelas agar isu itu tidak dibangkitkan lagi.

Bagaimanapun katanya, beliau tetap mengalu-alukan sebarang cadangan untuk berdialog daripada pihak yang berminat termasuk termasuk Pergerakan Pemuda Umno.

Dr Mahathir pada Isnin lalu berkata beliau telah menerima penjelasan yang diberi oleh timbalan pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) II David Chua mengenai isu itu dan berharap agar ia tidak diperbesarkan lagi.

-- BERNAMA

NM NM RI